

MyCompetition

Mengalakkan Persaingan, Melindungi Anda

NEWS

Advokasi

Latihan Media Bagi
Undang-undang Persaingan

MyCC Classroom

Kes-kes

Keputusan Cadangan
Terhadap Dagang Net

Di Pentas Dunia

Bengkel Undang-undang Persaingan
Mengenai Definisi Pasaran

Penyalahgunaan **KUASA** **DOMINAN**



Mesej Kata Kunci



Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus
PENGERUSI MyCC

PENGERUSI

Saya berasa amat bangga kerana telah dilantik sebagai pengurus Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang terkini di bawah bidang kuasa Kerajaan kini. Saya amat menantikan saat untuk memimpin Suruhanjaya ini kerana saya percaya bahawa persaingan akan meningkatkan pembangunan ekonomi negara kita kelak.

Sebagai badan kawal selia yang masih baru, saya sedar perjalanan persaingan tidak sentiasa lancar dan mudah. Oleh itu, saya benar-benar komited untuk mencapai visi agensi ini untuk membawa prestasi MyCC ke tahap yang lebih tinggi.

Perjalanan kita masih jauh dan banyak lagi yang perlu dilakukan sebelum kita boleh menganggap diri kita setanding dengan rakan-rakan daripada negara-negara maju yang lain yang jelas mempunyai bidang kuasa jauh lebih matang.

MyCC sentiasa memberi tumpuan dalam membanteras amalan anti-persaingan terutama terhadap mereka yang dianggap sebagai pengamal dan pelaku kartel tegar. MyCC akan berusaha keras ke arah mencapai misinya dalam menggalakkan persaingan dan dinamisme pasaran serta melindunginya daripada amalan anti-persaingan dan penyalahgunaan kuasa pasaran.

Pada masa ini, monopoli telah menjadi buah mulut orang ramai di negara ini berikutan kegawatan ekonomi negara dan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Sebagai penguat kuasa Akta Persaingan, MyCC akan bertindak ke atas perusahaan yang menyalahgunakan kedudukan dominan kerana ia melanggar undang-undang dan mengurangkan persaingan.

Baru-baru ini, Suruhanjaya telah menjalankan satu forum mengenai monopoli bagi sektor awam oleh pihak-pihak yang berkenaan. Maklum balas daripada sesi perkongsian tersebut melangkau sangkaan. Oleh itu, kami merancang untuk menjalankan acara ini secara tahunan untuk mendapatkan lebih banyak maklum balas dan pandangan ke arah menyelesaikan isu monopoli di Malaysia.

Suruhanjaya akan bertindak tegas bagi membanteras tingkah laku anti-persaingan pasaran untuk memberi peluang yang sama dan adil buat syarikat-syarikat perniagaan yang lain untuk pasaran yang lebih inovatif dan kecekapan yang meningkat. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif Encik Iskandar Ismail dan pasukannya, serta setiap rakan-rakan sejawat kami, tempatan maupun antarabangsa.



Encik Iskandar Bin Ismail

KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF

Bukanlah mudah untuk membawa Suruhanjaya Persaingan ke tahap yang lebih tinggi, bagaimanapun, saya percaya bahawa dengan sokongan daripada kerajaan dan kerja keras semua di MyCC, hasrat ini tidak mustahil dan pasti boleh dicapai.

Sehingga kini, Suruhanjaya telah menghadapi pelbagai cabaran dalam mengembangkan organisasi ini demi menggalas lebih banyak tanggungjawab serta bekerja pada tahap yang optimum dalam menyelesaikan isu-isu persaingan.

Ia akan mengambil masa bertahun untuk memupuk kefahaman rakyat Malaysia tentang dasar dan undang-undang persaingan serta perkaitannya dalam pembangunan Malaysia.

Tidak ramai rakyat di Malaysia yang sedar akan kepentingan mematuhi undang-undang persaingan kerana kesan dan faedahnya tidak dirasai dan dialami secara terus oleh pengguna.

Salah satu pencapaian kami baru-baru ini adalah pengembalian semula denda terhadap MAS dan Air Asia, selain beberapa kes lain yang menanti untuk tahun 2019.

MyCC merancang untuk terus berkembang maju serta mengharapkan tahun 2019 akan lebih diingati, dengan cara terus memacu persaingan dan mengetengahkan kepentingannya kepada rancangan pembangunan negara.

Besar harapan kami bahawa isu terbaru ini akan menyediakan maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Suruhanjaya sehingga penghujung tahun 2018.

Kami mengalu-alukan cadangan daripada orang ramai untuk meningkatkan e-surat berita kami supaya ia dapat dalam penyebaran lebih banyak berita dan kesedaran terhadap persaingan dalam Malaysia. Dengan itu, selamat membaca dan semoga pembacaan anda beroleh manfaat.

Untuk makluman dan pertanyaan editorial,
sila e-mel ccd@mycc.gov.my

Penerbit & Pengedar
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Tingkat 15, Menara SSM@Sentral,
No.7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai MyCC,
sila layari:
Laman web rasmi MyCC
www.mycc.gov.my

Kami Melindungi Persaingan Bukan Pesaing

Undang-undang persaingan adalah magna carta dalam ekonomi pasaran bebas. Ia bertujuan untuk menggalakkan dan melindungi proses daripada perlakuan anti-pesaingan seperti penyalahgunaan kedudukan dominan yang mengganggu fungsi pasaran. Perkataan ‘persaingan’ itu sendiri menyampaikan mesej bahawa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bimbang dengan ‘proses kompetitif’ secara keseluruhan dan bukan dengan kepentingan pesaing-pesaing tertentu. Peranan MyCC di bawah Akta Persaingan 2010 adalah untuk mengawal tingkah laku firma di pasaran untuk memastikan bahawa setiap perusahaan bebas untuk bersaing pada tahap yang sama rata tanpa apa-apa sekatan yang kompetitif.

Dalam pasaran terbuka dan bebas, akan ada yang menang dan ada yang kalah. Perusahaan yang cekap akan kekal dan perusahaan yang tidak cekap akan meninggalkan pasaran. MyCC tidak akan mengganggu proses semula jadi ini kerana melindungi perusahaan yang tidak cekap bermakna melindungi pesaing, bukan persaingan. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana sebuah perusahaan yang cekap sekalipun tidak mungkin dapat bersaing disebabkan perlakuan anti-pesaingan yang diamalkan oleh peserta yang lain di pasaran yang mempunyai kuasa pasaran. Hanya dalam keadaan ini MyCC akan campur tangan untuk membentulkan permasalahan pasaran tersebut dengan menghukum perusahaan yang berkenaan kerana bersikap anti-pesaingan.

Akta tidak melarang sesebuah perusahaan daripada menjadi monopoli atau dominan dalam pasaran. Semua perusahaan bebas untuk bersaing untuk berkembang lebih besar atau membeli saham pasaran yang lebih besar. Walau bagaimanapun, apabila sesebuah perusahaan menjadi dominan, Akta memerlukan perusahaan tersebut mematuhi kewajipan untuk tidak menyalahgunakan kedudukan dominannya. Perusahaan yang mempunyai kedudukan atau kuasa pasaran dominan lebih cenderung untuk mengganggu proses persaingan berbanding dengan perusahaan bukan dominan atau perusahaan tanpa kuasa pasaran. Sebagai contoh, sebuah perusahaan yang menikmati kedudukan monopoli atau dominan dalam pasaran di tahap huluan, mungkin akan mempertimbangkan tentang bagaimana hendak memanfaatkan kuasa pasarannya ke pasaran yang baru.

Dalam pasaran terbuka dan bebas, akan ada yang **menang** dan ada yang **kalah**. Perusahaan yang cekap akan kekal dan perusahaan yang tidak cekap akan meninggalkan pasaran.

Sebagai contoh, sebuah perusahaan yang merupakan pembekal tunggal produk atau perkhidmatan tertentu kepada perusahaan-perusahaan lain dalam pasaran tahap hiliran mungkin bertindak menuuhkan perniagaan sendiri atau anak syarikat untuk bersaing dengan perusahaan-perusahaan hiliran yang lain. Dalam usaha untuk mengekalkan kedudukan yang kukuh, baik di peringkat huluan maupun hiliran, perusahaan dominan tersebut mungkin akan melibatkan diri dalam tingkah laku anti-pesaingan seperti diskriminasi dan memberikan kelebihan persaingan kepada anak syarikat sendiri, lalu memutarbelit dan menghalang persaingan dalam pasaran tahap hiliran.

Jadi, bagaimana MyCC berurusan dengan tingkah laku sebegini? Peranan MyCC adalah untuk memastikan pasaran yang terbuka dengan menghalang sebarang kelakuan salahguna yang mungkin menghalang keupayaan pemain pasaran lain untuk bersaing. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa MyCC melindungi para pesaing. Perusahaan di tahap hiliran berkemungkinan sama efisiennya dengan perusahaan yang dominan. Tetapi ia akan tetap tidak dapat bersaing di pasaran disebabkan oleh perusahaan dominan yang berkelakuan anti-pesaingan, termasuk anak syarikat perusahaan dominan yang tertakluk kepada kelakuan tersebut yang tidak sesuai dengan keadaan pasaran semula jadi.

Melindungi proses persaingan juga bermakna melindungi kepentingan pengguna. Istilah ‘pengguna’ dari perspektif Akta pengantar dan juga pengguna akhir. Oleh itu, sebelum menghukum sesebuah perusahaan untuk kelakuananya, MyCC tidak akan hanya mempertimbangkan sejauh mana kelakuan tersebut menghalang keupayaan perusahaan tidak cekap yang lain untuk bersaing tetapi sama ada ia mewujudkan kesan yang memudaratkan atau mungkin berbahaya kepada pengguna, seperti kenaikan harga, kekurangan bekalan atau kelewatan dalam penyediaan perkhidmatan. Dengan mengambil kira kepentingan pengguna, kredibiliti MyCC dinaikkan taraf di mata orang ramai. Ia juga akan meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai bahawa MyCC adalah penjaga sebenar proses persaingan dan tidak melindungi pesaing-pesaing tertentu.

Akta Persaingan setakat ini telah dikuatkuasakan selaras dengan prinsip-prinsip persaingan. Sebagai pengawal selia, MyCC tidak berperanan untuk menghalang perusahaan-perusahaan daripada mendominasi pasaran dan menikmati kedudukan dominan atau monopoli. Walau bagaimanapun, MyCC akan terus memantau tingkah laku perusahaan-perusahaan dominan untuk memastikan bahawa mereka tidak terlibat dalam tingkah laku anti-pesaingan yang boleh menjelaskan persaingan dalam mana-mana pasaran dan mengganggu kepentingan pengguna. Pada masa yang sama, MyCC tidak berperanan melindungi mana-mana perusahaan hanya kerana mereka lemah, tidak cekap ataupun tidak dapat bersaing dengan syarikat-syarikat yang lebih cekap di pasaran. Peranan kami adalah untuk melindungi persaingan, bukan pesaing!



KEPUTUSAN CADANGAN PENALTI RM17.4M TERHADAP DAGANG NET KERANA MENYALAHGUNA KEDUDUKAN MONOPOLI

Pada 10 Julai 2018, Suruhanjaya telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap Dagang Net Technologies Sdn Bhd ("Dagang Net") kerana telah melanggar Seksyen 10(2)(c) Akta Persaingan 2010 dengan menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam penyediaan kemudahan perkhidmatan perdagangan bagi National Single Window, dimana Dagang Net didapati enggan membekalkan peti mel elektronik kepada pengguna Sistem Maklumat Kastam dan juga mengenakan sekatan kemasukan ke tahap yang boleh memudaratakan persaingan.

Suruhanjaya memulakan penyiasatan ke atas Dagang Net berdasarkan aduan-aduan yang diterima. Hasil penyiasatan mendapati bahawa Dagang Net telah menyalahgunakan kedudukan monopolinya dengan enggan membekalkan peti mel elektronik baru dan/atau tambahan kepada pengguna Sistem Maklumat Kastam yang menggunakan perisian front-end dari pembekal-pembekal penyelesaian perisian yang didakwa bukan merupakan rakan perniagaan Dagang Net yang sah.

Dagang Net juga didapati telah mengenakan klausu eksklusif kepada rakan-rakan perniagaannya yang memberi kesan seperti mengganggu proses persaingan di dalam pasaran yang akan datang dengan mewujudkan sekatan kemasukan bagi pesaing Dagang Net di dalam pasaran dan akan menjadikan pesaing-pesaing yang lain kurang cekap apabila bersaing bersama Dagang Net.

Suruhanjaya mencadangkan untuk mengenakan penalti kewangan sebanyak RM17,397,695.30 serta mengenakan arahan kepada Dagang Net untuk menghentikan apa-apa tingkah laku atau pelanggaran yang boleh mengganggu proses persaingan di dalam pasaran masa kini dan masa hadapan. Suruhanjaya juga mencadangkan agar pengarah-pengarah dan pihak pengurusan kanan Dagang Net dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Dagang Net menjalani program pematuhan undang-undang persaingan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Keputusan Cadangan.

Keputusan Cadangan adalah suatu notis bertulis yang menyatakan fakta bagaimana Suruhanjaya membuat penilaian dan hasil yang membawa kepada Keputusan Cadangan. Ia dikeluarkan kepada perusahaan yang berkenaan untuk membantu mereka membuat representasi dan memberikan apa-apa maklumat lain untuk menyokong representasi mereka kepada Suruhanjaya.

Suruhanjaya akan membuat keputusan muktamad setelah mempertimbangkan representasi daripada syarikat berkenaan beserta semua maklumat dan bukti yang ada.

MAHKAMAH TINGGI MENGEKALKAN KEPUTUSAN SURUHANJAYA

Mahkamah Tinggi mengekalkan keputusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang mengarahkan pembayaran penalti RM10 juta ke atas setiap syarikat penerbangan Malaysia Airlines System Bhd (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) kerana melanggar larangan perkongsian pasaran di bawah Akta Persaingan 2010.

Hakim Datuk Nordin Hassan membuat keputusan itu selepas membenarkan semakan kehakiman yang difaiklan MyCC terhadap keputusan Tribunal Rayuan Persaingan (CAT) yang mengetepikan penalti RM10 juta terhadap setiap syarikat penerbangan terkemuka negara itu.

Nordin dalam penghakimannya berkata keputusan responden pertama (CAT) dicemari kesalahan undang-undang dan tidak munasabah. Katanya, MyCC mempunyai locus standi (hak di sisi undang-undang) untuk memfaiklan semakan kehakiman.

Sehubungan itu, mahkamah memerintahkan MAS dan AirAsia, masing-masing membayar kos RM10,000 kepada MyCC. Terdahulu, peguam Datuk Lim Chee Wee, yang mewakili MyCC memohon bayaran penalti sebanyak RM10 juta dibuat dalam tempoh tujuh hari.

Mahkamah kemudian tidak menetapkan sebarang tempoh masa untuk membayar penalti RM10 juta itu. Air Asia akan memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan.

Pada 11 April 2014, MyCC mendapati MAS dan AirAsia melanggar larangan perkongsian pasaran mengikut Seksyen 4(2)(b) Akta Persaingan 2010 dengan memeterai satu perjanjian. Perjanjian itu menyaksikan kedua-dua syarikat penerbangan berkenaan berkongsi sektor perkhidmatan pengangkutan udara dalam negara.

Denda RM10 juta setiap satu oleh MyCC itu berdasarkan jumlah penerbangan yang dilakukan MAS dan AirAsia bagi empat laluan dalam negara dalam tempoh empat bulan iaitu antara 1 Januari dan 30 April, 2012. Laluan terbabit ialah Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, Kuala Lumpur-Kuching, Kuala Lumpur-Sandakan dan Kuala Lumpur-Sibu.

Denda RM10 juta setiap satu oleh MyCC itu berdasarkan jumlah penerbangan yang dilakukan MAS dan AirAsia

MENTERI KPDNHEP ARAH SIASATAN TERHADAP SYARIKAT TAYAR DAN MINUMAN

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah memulakan siasatan terhadap beberapa syarikat tayar dan minuman di Malaysia kerana kemungkinan terdapat perlakuan anti-persaingan.

Ini adalah berikutan arahan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, yang telah dimaklumkan berkenaan pengeluaran notis-notis kenaikan harga yang dikeluarkan oleh beberapa pemain industri pada bulan Julai dan Ogos 2018 iaitu sebelum pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018. YB Menteri telah mendarahkan MyCC bersama-sama dengan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP untuk menjalankan siasatan bagi menentukan sama ada tindakan ini menimbulkan isu di bawah undang-undang yang relevan.

Bertindak atas arahan tersebut, MyCC dan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP telah memeriksa beberapa syarikat tayar. Ini diikuti dengan pemeriksaan oleh MyCC terhadap beberapa persatuan tayar yang berkaitan.

Pemeriksaan berasingan juga telah dijalankan oleh MyCC terhadap pengeluar minuman berikutnya tindakannya mengeluarkan notis harga baru kepada pasar raya dan pasar raya besar di Malaysia.

Siasatan oleh MyCC ke atas pihak yang terbabit adalah berkaitan dengan Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 sementara penyiasatan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP adalah berkenaan isu di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Notis telah dikeluarkan kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk mengemukakan maklumat dan dokumen tertentu dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh kedua-dua pihak berkuasa bagi membantu penyiasatan lanjut.


YB Menteri telah mendarahkan MyCC bersama-sama dengan Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP untuk menjalankan siasatan bagi menentukan sama ada tindakan ini menimbulkan isu di bawah undang-undang yang relevan

PENGHAPUSAN MASALAH MONOPOLI GULA

Kerajaan telah menghapuskan masalah monopoli import gula di negara ini sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Persekutuan yang baru untuk membanteras masalah monopoli dalam beberapa sektor. Usaha ini selaras dengan harapan Kerajaan membantu rakyat dalam mengawal kos sara hidup yang meningkat.

Pengeluar-pengeluar makanan dan minuman kini boleh memohon permit untuk mengimport gula. Baru-baru ini, salah satu pengeluar di Sarawak telah berjaya mendapat permit untuk mengimport gula.

Di bawah dasar sebelumnya, hanya dua syarikat di Semenanjung telah diberikan permit untuk mengimport gula mentah dan memprosesnya di negara ini. Oleh itu, pengeluar-pengeluar terpaksa membeli gula halus pada harga RM2.80 sekilogram daripada syarikat-syarikat di Semenanjung. Namun setelah permit import diperolehi, para pengeluar boleh membeli gula dari luar negara dengan harga kurang daripada RM2 sekilogram.



Perspektif berkenaan Monopoli: Adakah Ia Bagus atau Tidak?

Kelakuan bahaya monopoli telah diikenal pasti oleh Adam Smith, yang dikenali sebagai **bapa ekonomi**.

Theori ekonomi yang dipersetujui umum menunjukkan bahawa ekonomi pasaran yang berfungsi dengan baik mendatangkan faedah yang ketara. Ia membuka peluang pekerjaan dan menawarkan harga pasaran yang lebih rendah, yang secara tidak langsung membantu pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup yang lebih tinggi. Ekonomi yang berfungsi dengan baik tidak selalu kompetitif kerana ia adalah rasional bagi sesebuah perusahaan untuk berusaha mengukuhkan kedudukan pasaran mereka dan meningkatkan keuntungan. Malangnya, proses ini juga menghadkan persaingan. Apabila sesebuah perusahaan mula menunjukkan sikap monopoli, penggunaan yang akan mengalami kerugian paling besar, manakala pertumbuhan ekonomi akan turut dikedang.

Kelakuan bahaya monopoli telah diikenal pasti oleh Adam Smith, yang dikenali sebagai bapa ekonomi. Seperti yang dikatakan oleh beliau dalam Wealth of Nations, "Sebarang bentuk monopoli yang diberikan sama ada kepada individu atau syarikat perdagangan mempunyai kesan yang sama seperti rahsia perdagangan dan perlilangan. Si pemmonopoli, setelah bertindak mengekang stok pasaran, akan kemudian menjual komoditi mereka dengan harga jauh lebih tinggi daripada biasa dan meningkatkan nilai pembayaran (emolumen) mereka lebih dari kadar biasa." Beliau turut mengatakan, "Apabila pihak daripada perniagaan yang sama berjumba, ia sentiasa berakhir dengan konspirasi terhadap orang awam, atau dengan kata lain, persetujuan untuk menaikkan harga."

Mesyuarat sebegini tidak dapat dilakukan, oleh itu ia menjadi tugas pembuat dasar untuk mengurus dan mengawal hasil perjumpaan mesyuarat-mesyurat sedemikian. Di Malaysia, MyCC adalah pihak yang memainkan peranan penting dan mencabar ini melalui pelaksanaan Akta Persaingan 2010.

Dari perspektif ekonomi, soalan mengenai pengawalan kuasa monopoli akan lebih tertumpu kepada perbandingan kos dan faedah. Pandangan pakar ekonomi mengenai cara mencapai keseimbangan yang berkesan antara kuasa monopoli dan persaingan telah berubah ketara seiring dengan masa.

Dari perspektif ekonomi, soalan mengenai pengawalan kuasa monopoli akan lebih tertumpu kepada perbandingan kos dan faedah. Pandangan pakar ekonomi mengenai cara mencapai keseimbangan yang berkesan antara kuasa monopoli dan persaingan telah berubah ketara seiring dengan masa.

Turut menjadi isu adalah dasar-dasar dan amalan penguatkuasaan yang berasaskan monopoli dan persaingan. Hujah ekonomi yang kukuh boleh mewajarkan keperluan untuk operasi tidak kompetitif berskala besar dalam beberapa keadaan, termasuklah dalam keadaan yang dipanggil monopoli semula jadi.

Monopoli semula jadi merujuk kepada keadaan yang mempunyai kos tetap dan skala ekonomi yang tinggi, dimana pelaburan yang besar diperlukan untuk mencapai tahap pengeluaran yang optimum. Keadaan ini boleh menjustifikasi kewujudan posisi dominan di pasaran. Dalam kes-kes sebegini, Kerajaan mungkin bertindak menerima pakai dasar yang menggalakkan atau melindungi mereka, daripada menguatkuasakan dasar persaingan. Hal ini lebih kebarngaliannya untuk berlaku memandangkan sektor yang terlibat mempunyai kepentingan strategik atau nasional.

Penyediaan infrastruktur merupakan monopoli yang umum, seiring dengan perkhidmatan awam yang lain seperti elektrik, air dan keselamatan, yang juga mempunyai kos tetap yang tinggi dan pertimbangannya sebagai keperluan orang awam. Strategi pembangunan negara melalui dasar penggantian import juga mungkin memerlukan perlindungan dan pemupukan dari industri dan perusahaan utama negara. Pendekatan sedemikian telah dilaksanakan dengan jayanya di Asia Timur dan di beberapa tempat lain dalam tempoh beberapa dekad yang lalu.

Layanan istimewa turut sering diterima oleh syarikat penerbangan negara, yang dilihat sebagai juara kebangsaan dan layak menerima perlindungan dan sokongan Kerajaan. Di Malaysia, walaupun sektor tenaga dan telekomunikasi mempunyai penguasaan tersendiri, mereka telah dikecualikan daripada peruntukan Akta Persaingan.

Pengecualian sedemikian adalah sangat lazim dalam undang-undang persaingan. Walaupun baru-baru ini terdapat beberapa pergerakan yang bertentangan daripada perlindungan pembekal perkhidmatan awam monopoli dalam ekonomi perindustrian yang lebih matang, masih lagi terdapat kes-kes yang banyak tentang perindustrian yang berkesan, yang jelas berdasarkan sokongan Kerajaan dalam beberapa keadaan monopoli. Pendekatan ini telah dilaksanakan di Jerman dan Jepun pada separuh pertama abad kedua puluh, yang dilihat agak berjaya dari sudut pandangan ekonomi, walaupun peningkatan kuasa perindustrian yang berkaitan juga dipercayai telah menyumbang kepada kebangkitan fasisme di kedua-dua negara. Kedua-dua negara tersebut telah menerima pakai dasar yang lebih kompetitif selepas perang yang berlaku di Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat, sebagai sebahagian daripada pengukuhan undang-undang persaingan pasca-perang yang lebih luas.

Perjanjian 1957 di Kesatuan Eropah termasuk undang-undang persaingan sebagai satu peruntukan utama, manakala di Amerika Syarikat, terdapat kebangkitan undang-undang anti-presaingan yang sedia ada. Waktu pelaksanaan ini yang lebih aktif di sana berakhir dengan kejayaan perpecahan perusahaan komunikasi AT & T pada awal 1980.

Selain kecenderungan politik yang lebih demokratik dalam beberapa dekad pasca-perang, hal ini juga mencerminkan pengiktirafan yang semakin meningkat di kalangan pakar ekonomi pada masa ini terhadap kebijakan dan kos ekonomi atas berlakunya kekurangan persaingan. Sejak itu, terdapat pergerakan yang lebih jauh dari dasar persaingan yang lebih aktivis ini, yang menjurus ke arah dasar pengawalseliaan yang lebih ringan, atau apa yang Washington Post gelar sebagai 'penguatkuasaan permisif secara ekstrimnya'. Hal ini adalah amat benar terutamanya di Amerika Syarikat, seperti yang diluluskan oleh pengawal selia yang telah meluluskan banyak penggabungan syarikat berskala besar sejak dua dekad yang lalu. The Economist telah menganggarkan peningkatan dalam dua pertiga daripada 900 lebih sektor yang terlibat dalam ekonomi Amerika Syarikat sejak tahun 1997, dengan berita terbesar mengenai penggabungan syarikat bernilai USD10 billion yang berlaku sejak tahun 2008. Memandangkan syarikat-syarikat di Amerika Syarikat merupakan pendominasi global, maka tumpuan yang lebih besar di Amerika Syarikat turut menyebabkan kepekatan yang lebih besar di peringkat global.

ARTIKEL

Dasar aliran ini telah sekali lagi dikaitkan kepada perubahan pemikiran ekonomi, termasuklah hujah bahawa kos mengawal selia perlakuan monopoli mungkin terlampaui tinggi sehingga melebihi faedah kebaikan yang lain. Ahli ekonomi berhaluan pasaran bebas sejak tahun 1980-an semakin yakin dengan hujah ini. Memandangkan kos pengawalseliaan sememangnya tinggi, kerana ia melibatkan pelbagai kos urus niaga dan mewujudkan herotan dalam pasaran, dan sebagai kesan pengawalseliaan yang berjaya masih dalam perdebatan, baki kos dan faedah akan mungkin dilihat boleh diatasi dengan berkurangnya pengawalseliaan dan membolehkan pasaran untuk mencari keseimbangan sendiri. Walaupun tindakan ini akan memberi keputusan yang kurang optimum, ia merupakan keputusan yang terbaik dari segi kebaikan dan kecekapan.

Satu hujah lanjut yang memberi faedah kepada analisis kewangan ialah mengenai keuntungan luar biasa yang dibuat oleh kuasa korporat tertentu dalam beberapa sektor yang dilihat perlu untuk membiayai pembangunan dan penyelidikan saintifik mereka yang canggih. Hujah-hujah sebegini kadang kala digunakan dalam kes-kes penggabungan dan anti-persaingan yang membantu menguatkan dakwaan bahawa apa-apa keuntungan yang dijana oleh status monopoli yang terhasil akan dilaburkan semula ke dalam inovasi berharga itu. Penciptaan manfaat yang luar biasa yang berdasarkan beberapa bentuk perlindungan monopoli boleh digunakan sebagai alasan untuk memohon pengecualian daripada undang-undang persaingan di Malaysia. Ahli ekonomi juga percaya bahawa apa-apa keuntungan yang berlebihan yang dibuat oleh pemain pasaran yang dominan akan tetap menarik perhatian pesaing, dan akhirnya herotan yang terhasil daripada kuasa pasaran yang berlebihan mungkin kembali pulih apabila peserta baru menurunkan harga dan mengembalikan hasil kebaikan yang optimum. Hujah-hujah ini, apabila dikemukakan secara yakinknya oleh ahli-ahli ekonomi hebat dalam beberapa dekad yang lepas, telah membantu untuk mempengaruhi pengawal selia untuk melaksanakan dasar persaingan secara permisif.

Bagaimanapun, kini terdapat kesedaran bahawa penumpuan yang lebih besar daripada syarikat di Amerika Syarikat, dan oleh itu di peringkat global, telah menyebabkan kesan negatif terhadap kebaikan dan kecekapan yang sepatutnya dielakkan dengan wujudnya dasar persaingan. Kesan ini dapat dilihat dalam kedua-dua kesan langsung penyalahgunaan pemain dominan terhadap harga dan upah, dan lebih kepada kesan secara tidak langsung akibat daripada sekatan persaingan. Harga-harga di Amerika Syarikat telah meningkat dalam beberapa sektor-sektor berikut, seperti sektor penjagaan kesihatan dan komunikasi, manakala pilihan pengguna juga telah amat terhad dalam banyak sektor-sektor lain. Lebih banyak kesan secara tidak langsung terhadap inovasi dan keusahawanan ditunjukkan melalui kadar penurunan pertumbuhan perusahaan baru, dengan penubuhan perusahaan kecil dan sederhana dilaporkan pada paras terendah sejak tahun 1970-an. Walaupun keuntungan yang lebih tinggi yang dinikmati oleh pemain dominan telah membantu untuk membiayai bahagian penyelidikan dan pembangunan serta pelaburan lain-lain, persaingan itu sendiri berfungsi sebagai satu pemboleh rangsangan yang amat diperlukan untuk inovasi dan kecekapan, dan ketiadaannya akhirnya mengekang pertumbuhan produktiviti.

Pengumuman kerajaan baru-baru ini bahawa monopoli akan dikaji semula adalah satu berita baik. Monopoli tidak mempunyai sebarang insentif untuk menawarkan harga yang lebih rendah, meningkatkan kualiti produk atau menambahkan talian perkhidmatan atau barang mereka semata-mata kerana mereka mempunyai kelebihan daya saing berbanding perusahaan-perusahaan yang lain. Sangat jelas bahawa terdapat beberapa monopoli yang baik, seperti pasaran utiliti yang dikawal selia oleh Kerajaan untuk memastikan tiada gangguan dalam pembekalan perkhidmatan. Kenyataan bahawa kerajaan mahu mengkaji semula monopoli lain dan memperkenalkan dasar mengenai monopoli sememangnya sesuatu yang menggalakkan.

Walau bagaimanapun, terdapat akta yang sudah wujud iaitu Akta Persaingan 2010 (AP 2010), yang merupakan alat yang berkuasa menangani bukan sahaja syarikat monopoli dan dominan tetapi juga aktiviti-aktiviti kartel seperti penetapan harga dan tipuan bida. Tidak ramai yang sedar bahawa AP 2010, yang mula berkuat kuasa pada Januari 2011, mempunyai bidang kuasa yang luas. MyCC yang ditubuhkan untuk melaksanakan undang-undang ini mempunyai kuasa penyiasatan dan boleh menyaman individu atau perusahaan yang melakukan kesalahan sehingga 10% daripada perolehan mereka di seluruh dunia. MyCC antara lainnya, mempunyai kuasa bukan sahaja untuk menyiasat aktiviti kartel atau syarikat dominan jika terdapat aduan tetapi juga untuk menasihati Menteri atau mana-mana badan awam atau pengawal selia lain tentang segala perkara yang berkaitan dengan persaingan. MyCC juga boleh menjalankan kajian umum mengenai isu-isu yang berkaitan dengan persaingan, dikenali sebagai kajian pasaran. Apa-apa cadangan yang timbul daripada kajian itu boleh disalurkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dengan perhatian atau tindakan selanjutnya.

Oleh kerana MyCC telah diberikan bidang kuasa yang meluas, ia mestilah digunakan sepenuhnya untuk membantu Kerajaan dalam menangani ketidakseimbangan struktur yang disebabkan oleh rasuah, nepotisme dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan. Seksyen 4 (1) dan (2) Akta ini adalah berkenaan perjanjian anti-persaingan manakala Seksyen 10 pula berkenaan penyalahgunaan kedudukan dominan. Objektif undang-undang adalah "untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan mempromosikan dan melindungi proses persaingan, dan dengan itu melindungi kepentingan pengguna."

Adalah diharapkan bahawa alat yang telah sedia ada akan digunakan. MyCC juga perlu lebih telus, proaktif dan menonjol supaya orang ramai sedar bahawa Akta ini sedang dikuatkuasakan dan isu-isu yang telah dinyatakan akan dikendalikan oleh MyCC dan bukan SPRM. MyCC juga menawarkan program kelonggaran yang akan menjadi berguna untuk perusahaan atau sesiapa sahaja yang terlibat dalam kes tipuan bida. Mereka akan layak untuk menerima kelebihan imuniti jika mereka adalah pihak pertama yang melaporkan kepada MyCC. Laporan berikutnya juga wajar diberikan kelebihan tersebut tetapi beberapa faktor akan dipertimbangkan oleh MyCC sebelum kelonggaran diberikan. Seiring masa berlalu, banyak dasar-dasar kerajaan lain yang difatkat sebagai anti-persaingan perlu diberi perhatian dan dikaji semula. Ini akan mengambil masa tetapi satu langkah besar telah diambil dan berharap AP 2010, dengan matlamatnya yang mulia, akan menjadi alat yang ampuh untuk menangani struktur pasaran yang herot dan turut mengiringi persekitaran yang kompetitif ke arah kebaikan dan memberi manfaat, bukan sahaja terhadap pengguna tetapi juga persekitaran perniagaan.

Pemberian konsesi yang mungkin menyebabkan berlakunya monopoli secara langsung atau tidak langsung, kini berada dalam kuasa dan budi bicara pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang insiden kesat oleh pemmonopoli, Suruhanjaya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas selaras dengan kuasanya di bawah Seksyen 10 Akta untuk menghapuskan tingkah laku anti-persaingan tersebut. Dengan demikian, kes ini mencerminkan usaha Suruhanjaya dalam menangani isu penyalahgunaan oleh pemmonopoli di Malaysia dan menyokong usaha Kerajaan untuk memupuk ketelusan, urus tadbir korporat dan amalan perniagaan yang beretika. Rejim persaingan yang teguh akan memberi faedah jangka panjang dan jangka pendek yang ketara dan holistik kepada pengguna dari segi harga yang kompetitif, peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan, peningkatan inovasi dan menawarkan pilihan yang lebih luas untuk pengguna.



Forum Menghadapi Cabaran Tipuan Bida dan Monopoli Dalam Sektor Awam

25 Oktober 2018 (Khamis), Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor

Seramai 210 orang yang terdiri daripada sektor-sektor dan agensi-agensi Bahagian Perolehan Kerajaan telah hadir dalam persidangan ini.



Sesi 1

Tajuk: **Tipuan Bida Menyumbang Kepada Ketirisan Perolehan Awam?**
Penceramah: **Encik Azman Mahmud@Bahari dan Encik Zairan Ishak**



Sesi 2

Tajuk: **Revolusi ke Arah Penambahbaikan Perolehan Awam**
Moderator: **YBhg. Prof. Madya Dr. Haniff Ahamat, Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia**

Ahli Panel:

- i. Encik Rosli Yaakub, Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan
- ii. Puan Swaibatul Aslamiah Haji Hussain, Timbalan Pengarah Sektor Audit Kewangan, Jabatan Audit Negara
- iii. Encik Ahmad Fauzi Sungip, Seksyen Dasar dan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia
- iv. PKPJ Encik Mohamad Tarmize Abd Manaf, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Sesi 3

Tajuk: **Monopoli Merumitkan Pasaran?**
Penceramah: **Yang Berusaha Tuan Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif, MyCC**



Sesi 4

Tajuk: **Bolehkah Monopoli Membantu Pengurusan Ekonomi Secara Efektif dan Efisien?**
Moderator: **Puan Adlin Abdul Majid, Peguam, Lee Hishamuddin Allen & Gledhill**

Ahli Panel:

- i. Encik Abdul Karim, Timbalan Setiausaha, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pengangkutan
- ii. Encik Shamsuddin Ismail, Setiausaha Bahagian, Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- iii. Encik Mohd Fauzee Abd Majid, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia



Sesi Soal Jawab

- 1. Adakah terdapat cara untuk mengesan pemberian kontrak kepada pihak ketiga? Contohnya, sesuatu syarikat yang dianugerahkan tender tetapi perkhidmatan bagi menjalankan kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh syarikat lain (subkontraktor)?**

Perkara ini adalah salah di sisi undang-undang. Bagi mengesan perkara ini, pegawai-pegawai yang menyelia kontrak-kontrak tersebut perlu turun padang dan memastikan kontraktor yang terlibat melaksanakan kerja-kerja mengikut skop dan kualiti yang ditetapkan. Pegawai penyelia juga perlu memastikan profil penuh kontraktor utama dikenalpasti dan perlu mengambil tahu sebarang aktiviti pemberian kepada pihak ketiga.

- 2. Begitu banyak Integrity Pact yang ditandatangani, namun isu rasuah masih tinggi. Ini seakan menunjukkan Integrity Pact tidak berjaya, tetapi sekadar pematuhan. Apakah pandangan SPRM?**


Pada masa sekarang, masih tiada undang-undang yang menjadikannya kesalahan terhadap mana-mana agensi atau badan kerajaan yang tidak mematuhi Integrity Pact, dan bahagian polisi SPRM masih dalam proses membaik pulih fungsi dan penguatkuasaan Integrity Pact terutamanya dalam bidang perolehan.

- 3. Sejauh manakah peranan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus pada masa ini memandangkan setiap perolehan yang dibuat masih dikatakan dibawah kawalan tertentu?**

Antara kesilapan atau kekurangan yang dapat dikongsi adalah kami mendapat arahan pihak atasan yang tidak munasabah sehingga menjelaskan keberkesanan Siasatan Tadbir.

- 4. Bagaimanakah MOF menganugerahkan agensi-agensi kerajaan yang berjaya menjimatkan kos pembelanjaan dari bajet yang telah diluluskan mereka, daripada mengurangkan bajet setelah mendapati agensi tersebut masih mempunyai lebihan bajet pada akhir penggal?**

Segala keputusan untuk mengurangkan atau menambah bajet sesebuah agensi bergantung sepenuhnya kepada rekod dan pembelanjaan agensi tersebut. MOF tidak mempunyai sebarang mekanism untuk memberikan anugerah atau meluluskan bajet sesebuah agensi atau badan kerajaan.



- 5. Apakah tindakan MyCC berkenaan isu penggabungan syarikat Grab dan Uber?**

Pada masa ini, Akta Persaingan MyCC tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (merger and acquisition). MyCC hanya dapat menyiasat jika dapat dibuktikan bahawa syarikat Grab merupakan syarikat dominan dalam sektor perniagaan tersebut dan menyalahguna kedudukan dominan itu di bawah seksyen 10 Akta Persaingan.

- 6. Bagaimana penggabungan syarikat membentuk monopolis?**

Apabila dua atau lebih syarikat mengamalkan penggabungan atau pengambilalihan, persaingan dalam sektor perniagaan tersebut akan terjejas, dimana jumlah pesaing akan berkurang. Syarikat-syarikat yang bergabung hanya akan menjadi syarikat yang dominan dalam sektor tersebut jika kesan penggabungan itu menjadikan ia berjaya mengawal peratusan yang signifikan dalam sektor perniagaan itu.

- 7. Kami tidak menafikan kepentingan syarikat Bernas, Pharmaniaga dan Puspakom dalam sektor industri masing-masing. Namun, bagaimanakah syarikat-syarikat tersebut dipilih untuk menjadi syarikat-syarikat monopolis?**

Bernas, Puspakom, Pharmaniaga telah dipilih bukan melalui tender terbuka. Pihak Kerajaan telah menyenarai pendek syarikat-syarikat yang berpotensi menggalas tugas tersebut dan melantik syarikat-syarikat tersebut sebagai syarikat konsensi. Ini kerana Kerajaan perlu memastikan prestasi kerja yang dilakukan pihak ketiga ini mencapai tahap piawaian yang ditetapkan, dan kerana tidak banyak pilihan syarikat yang mampu mengendalikan kerja tersebut, terutamanya dari aspek kewangan.

- 8. Bagaimanakah tender tertentu atau sebut harga yang dikeluarkan seperti hanya memberi kelebihan pada satu-satu syarikat walaupun ia dilakukan secara terbuka?**

Sebutharga peralatan berbeza mengikut jenama, cara gunaan, fungsi, gunaan dan sebagainya.

Persidangan Cabaran dalam Menguatkuasakan Persaingan Undang-undang di Malaysia dan Jangkaan Pembaharuan

27 November 2018 (Selasa), Auditorium Raja Aziz Addruse, Majlis Peguam Malaysia

Seramai 110 peserta yang terdiri daripada pegawai undang-undang dan peguam menghadiri program ini. Program dimulakan dengan menandatangani MoU antara MyCC dan UUM, disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna serta Timbalan Presiden Majlis Peguam Malaysia. Program diteruskan dengan persembahan setiap sesi.



Sesi 1

Kartel dan kelonggaran oleh En. Zairan Ishak, Ketua Penolong Pengarah MyCC

Penceramah menjelaskan bahawa aktiviti kartel dianggap sebagai tingkah laku yang paling banyak dipengaruhi namun sering diabaikan oleh orang ramai. Contoh aktiviti kartel di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 adalah penetapan harga, pembahagian pasaran, kawalan atau sekatan pasaran dan masalah penipuan tawaran. Rejim kelonggaran dibentuk untuk memberi peluang kepada peniaga mengakui kesalahan mereka dan membantu MyCC untuk menyiasat kumpulan peniaga lain yang terlibat dalam aktiviti kartel.



Sesi 2

Kuasa Tribunal Rayuan Persaingan oleh Assoc. Dr Wan Liza Md Amin @ Fahmy, Tribunal Rayuan Persaingan (TRP)

Penceramah menjelaskan mengenai fungsi dan peranan Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) serta bidang kuasa mereka. Bagi peniaga yang ingin mengemukakan rayuan atas keputusan yang dikeluarkan oleh MyCC, mereka harus melalui TRP.



Sesi 3:

Monopoli Forum

Moderator: **En. Wong Tat Chung, Messrs Wong, Beh & Toh**

Penceramah:

- Pn. Adlin Abdul Majid, Partner of Messrs Lee Hishamuddin Allen & Gledhill
- En. Adlan Abd Razak, Lecturer, Universiti Teknologi MARA
- Pn. Dominique Lombardi, Competition & Antitrust and Trade, Rajah & Tann Singapore
- En. Rohizwan Ahmad, Director of Law, JT International Trading Sdn Bhd

Panel membincangkan mengenai syarikat dominan dan kesalahan menyalahgunakan kedudukan dominan di bawah Seksyen 10 Akta Persaingan 2010. Panel ini juga membayangkan bahawa Akta Persaingan 2010 tidak mlarang mana-mana syarikat menjadi monopoli, tetapi kesalahan menyalahgunakan kedudukan dominan akan menjadikan Akta Persaingan 2010 untuk diguna pakai dan dikeluarkan.



Sesi 4:

Forum Kawalan Penggabungan

Moderator: **En. Devanesan Evanson, Minority Shareholders Watch Group**

Penceramah:

- En. Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC
- En. Anand Raj, Rakan Tetuan Shearn Delamore
- Dr Wan Khatina Nawawi, Pengarah Ekonomi, Suruhanjaya Penerangan Malaysia

Panel membincangkan tentang usaha MyCC untuk membangunkan satu tindakan kawalan penggabungan baru ke dalam Akta Persaingan 2010. Mereka juga menjelaskan komponen-komponen dalam usul penyusunan Akta yang merangkumi penggabungan, pemerolehan, usaha sama dan pengambilalihan serta contoh negara-negara lain yang telah melaksanakan undang-undang tersebut bagi menekankan kepentingan di dalam Akta Persaingan 2010.

Sesi Perbincangan Meja Bulat mengenai Perlaksanaan dan Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010

7 November 2018, Le Meridien, Kuala Lumpur

Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan MyCC untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) termasuk mendapatkan maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan AP 2010 dan peranan MyCC.

Suruhanjaya telah mengadakan perbincangan terbuka ini dengan pihak-pihak berkepentingan untuk memastikan bahawa penglibatan mereka akan terus maju dan dibawa ke tahap yang lebih tinggi.

Sesi meja bulat ini membolehkan Suruhanjaya untuk berinteraksi dengan pihak berkepentingan dan mendapatkan maklum balas mengenai peranan Suruhanjaya serta fungsi dan keberkesanannya dalam menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Maklum balas yang diterima daripada sesi ini akan membantu Suruhanjaya dalam meningkatkan fungsi dan kecekapannya.

Perbincangan ini juga akan membawa kepada pemahaman yang lebih baik dalam undang-undang persaingan. Semua maklumat, pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi sepanjang sesi ini akan membantu untuk meningkatkan semangat persaingan di Malaysia.

MyCC Tandatangani MoU dengan UUM untuk Mengalakkan Undang-undang Persaingan di Malaysia

Pada 27 November 2018, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memperkenalkan subjek Undang-undang Persaingan di UUM.

MoU yang ditandatangani bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai Akta Persaingan 2010 dalam kalangan pelajar undang-undang dan perniagaan UUM melalui penambahan subjek Undang-undang Persaingan ke dalam sukanan pelajaran akademik mereka. Tambahan pula, memorandum itu juga bertujuan untuk kerjasama strategik antara pihak-pihak dari segi undang-undang persaingan advokasi dan program-program penyelidikan.

MoU itu ditandatangani oleh Pengurus Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus dan Penolong Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Profesor Madya Dr. Muhammad Fuad Othman. Majlis turut disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

MoU itu menyediakan peluang bagi pihak Suruhanjaya dan UUM untuk melahirkan lebih ramai pakar undang-undang persaingan pada masa akan datang. Dengan adanya lebih ramai pengamal undang-undang persaingan, Suruhanjaya percaya bahawa pengguna akan menjadi lebih dilindungi, ahli perniagaan akan semakin berkembang maju dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat.



Persidangan Tinjauan Ekonomi Negara 2019-2020

27-28 November 2018, Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur

Seramai 61 peserta hadir ke persidangan yang telah diadakan pada 27 hingga 28 November 2018. Persidangan yang berlangsung selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. MyCC turut terlibat dalam sesi pembentangan pada hari kedua, iaitu Market Efficiency bertajuk The Impact of Competition Policies and Enforcement on the Economy yang disampaikan oleh Yang Berusaha Prof. Dr. Saadiah Mohamad, Anggota Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

Tajuk: Market Efficiency: **The Impact of Competition Policies and Enforcement on the Economy**

Penceramah:

1. Yang Berusaha Prof. Dr. Saadiah Mohamad, Anggota Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
2. Muhammad Ridhuan Bos Abdullah, Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia
3. Ali Salman, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi

Barisan penceramah membincangkan dan bersetuju bahawa tahap persaingan dalam pasaran perlu dipertingkatkan. Ia adalah penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dari proses persaingan yang sihat, adil dan saksama. Tumpuan pasaran (market concentration) boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti perubahan teknologi, liberalisasi dan dasar Kerajaan. Syarikat-syarikat dalam sektor industri yang kompetitif menunjukkan pertambahan dari segi bilangan, akan tetapi masih tidak mencapai tahap kecekapan pasaran yang begitu baik. Ini termasuk dari syarikat-syarikat GLC dan GLICs.

Latihan Media mengenai Undang-undang Persaingan

Objetif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pengamal-pengamal media mengenai kepentingan Akta Persaingan 2010 dan peranan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam menguatkusakan dan melaksanakan Akta, bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan media bagi menulis laporan atau berita yang lebih baik dan tepat mengenai isu-isu persaingan. Bengkel ini juga turut memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada peserta tentang tingkah laku anti-persaingan agar pihak media dapat membantu Suruhanjaya dengan bertindak sebagai pemerhati dalam mengesan tingkah laku yang tidak sihat oleh para pengusaha seperti kartel atau penyalahgunaan kuasa dominan.

Media dianggap sebagai sumber maklumat dan berita, oleh itu penglibatan diri bersama pihak media adalah satu kemestian. Ini adalah kerana dengan mewujudkan rangkaian dan membina hubungan yang baik dengan mereka sekaligus dapat menyebarkan kesedaran tentang persaingan kepada rakyat.

Taklimat mengenai MyCC dan Akta Persaingan telah disampaikan oleh Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, diikuti oleh Encik Zairan Ishak, Pegawai Kanan Bahagian Penyiasatan dan Pengukuasaan. Penceramah turut berkongsi mengenai kes-kes terkenal yang telah disiasat oleh MyCC dan senarai perusahaan yang telah dikenakan tindakan oleh pihak Suruhanjaya.

Suruhanjaya juga telah menjemput wartawan veteran yang mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun, Mr Krishnamoorthy Muthaly untuk memberi taklimat kepada peserta mengenai Penyiasatan Kewartawanan serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman beliau yang luas dalam bidang tersebut. Perkongsian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kewartawanan para peserta.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 40 wartawan dari pelbagai stesen penyiaran dan media berita.

Selain daripada taklimat, Suruhanjaya telah menyediakan aktiviti bersesuaian untuk para peserta dengan menjalankan satu eksperimen sosial terhadap masyarakat di sekitar kawasan KL Sentral tentang pengetahuan mereka mengenai Akta Persaingan dan MyCC. Berbekalkan kemahiran masing-masing sebagai wartawan atau pemberita, aktiviti ini telah berjaya mendedahkan pendapat orang ramai mengenai persaingan di Malaysia selain turut membolehkan para peserta untuk mengaplikasikan kemahiran penyiasatan kewartawanan mereka.



Bengkel Undang-undang Persaingan mengenai Definisi Pasaran - Anjuran Bersama oleh MAVCOM dan MyCC

Hotel Maya, Kuala Lumpur, 5-7 September 2018

Definisi produk yang relevan dan pasaran geografi adalah langkah yang perlu dalam kebanyakan kes-kes persaingan. Bengkel ini melihat definisi pasaran dari segi analisis dan ekonomi asas serta langkah-langkah penyiasatan yang boleh diambil untuk menentukan pasaran yang berkaitan. Contoh-contoh kes praktikal daripada ahli Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dibentangkan untuk menggambarkan konsep teori yang sebetulnya. Para peserta diminta untuk menyumbang pengalaman mereka sendiri dalam kajian-kajian kes dan untuk menyertai pakar-pakar dalam latihan kes yang mempunyai kadar kebarangkalian yang tinggi. Panel penceramah termasuk penceramah pakar dari Suruhanjaya Eropah, Korea dan England.


Ringkasan Program Penempatan ke Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC)

Dua orang wakil daripada Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan MyCC, Cik Nurul Afiqah Soohaimi dan Cik Farha Nabihah Mustaffa, telah terlibat dalam program penempatan tahanan Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC), iaitu Program Pelaksanaan Undang-undang Persaingan (CLIP) dan program pengajian bagi Negara-negara Anggota ASEAN (AMS) yang berlangsung di Canberra pada Julai 2018. Tempoh penempatan ini bermula pada 16 Julai 2018 dan berakhir pada 21 September 2018.

Program ini bertujuan untuk membantu mengukuhkan keupayaan peserta anggota-anggota ASEAN dalam pengurusan kes, proses siasatan (dengan melalui beberapa peringkat penyiasatan), dan keyakinan mereka dalam menggunakan alat dan pengetahuan berkaitan di agensi negara masing-masing.

Program ini telah memberikan peluang kepada pegawai-pegawai MyCC untuk menimba pengalaman praktikal sepanjang 10 minggu program penempatan berlangsung di ACCC. Para peserta juga turut ditaja oleh ACCC untuk menjalani program khas undang-undang persaingan dan ekonomi di Universiti Melbourne, iaitu program Global Masters of Competition and Consumer Law secara dalam talian.

Program ini bertujuan untuk membantu **mengukuhkan keupayaan peserta anggota-anggota ASEAN** dalam pengurusan kes, proses siasatan



Competition Summer School

Seramai 14 pegawai penguatkuasa persaingan dari beberapa negara anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN telah mengambil bahagian dalam kursus latihan intensif ini yang menekankan aspek undang-undang persaingan serta prinsip-prinsip ekonomi yang berkaitan di Kesatuan Eropah (EU). Kursus ini juga telah berkongsi amalan terbaik di sana yang boleh dipelajari dan diamalkan mengikut kesesuaian di negara masing-masing. Program ini adalah sebahagian daripada projek kerjasama Kesatuan Eropah dan Competition Cooperation EU-ASEAN Partnership. Kursus ini berlangsung selama 10 hari di College of Europe, Bruges, Belgium.

Sepanjang kursus ini dijalankan, peneraju akademik dan pengamal undang-undang persaingan terkemuka menyampaikan kuliah mengenai komponen penting undang-undang persaingan di Kesatuan Eropah seperti yang ditetapkan di bawah Treaty on the Functioning of the European Union dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Eropah. Antara yang disampaikan termasuk topik mengenai penggabungan dan pengambilalihan, penyalahgunaan kedudukan dominan, sekatan persaingan secara mendatar dan menegak, kawalan terhadap bantuan kerajaan, perusahaan milik kerajaan dan prinsip ekonomi dalam undang-undang persaingan. Kes-kes anti-persaingan terkemuka di Kesatuan Eropah juga dibincangkan secara meluas.

Pada 10 Julai 2018, peserta-peserta kursus juga telah membuat lawatan ke ibu pejabat Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium

9-20 July 2018, Bruges, Belgium

Kursus ini turut membincangkan secara mendalam kawalan terhadap penggabungan dan pengambilalihan syarikat yang dikuatkuasakan di Kesatuan Eropah dan di negara-negara ASEAN yang lain serta manfaat yang terhasil daripada penguatkuasaan ini kepada pengguna dan perkembangan ekonomi negara masing-masing. Kursus ini secara tidak langsung memberi manfaat dan pendedahan kepada Malaysia memandangkan Malaysia adalah satu-satunya negara di ASEAN yang masih belum mempunyai kawalan ini.

Pada 10 Julai 2018, peserta-peserta kursus juga telah membuat lawatan ke ibu pejabat Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium. Pihak pengajar juga telah mengaturkan pertemuan pada 18 Julai 2018 dengan Tomasso Valetti yang merupakan Ketua Ekonomi Persaingan bagi Directorate-General for Competition Office di Kesatuan Eropah. Para peserta menggunakan peluang ini untuk bertukar pandangan dan pengalaman dalam melaksanakan kerja penguatkuasaan di negara masing-masing. Kesatuan Eropah melalui Johannes Laitenberger, Director-General di DG Competition juga menyatakan dalam ucapannya agar usaha dan kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.